



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7 BILANGAN 20

RABU, 17 OKTOBER, 1962 (18 Jamadil Awal, 1382)

PERCHUMA

DULI YANG MAHA MULIA BERTITAH DARI TAHTA:

## TANGGONG JAWAB AHLI2 BERAT DAN SULIT

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan telah memberitahu ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei bahawa tanggong jawab mereka ada-lah sangat berat dan sulit. Mereka mempunyai tanggong jawab atas tanggong nasib bangsa dan Negara Brunei Darul-Salam.

Sambil itu Baginda juga memberi harapan dan perchaya bahawa ahli2 sekalian ada-lah bersedia untuk menjalankan tugas2 yang amat berat yang telah di-berikan kepada mereka.

Baginda telah bertitah dari tahta tatkala melangsungkan pembukaan rasmi Majlis Mashuarat Negeri yang baharu di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada 10 Oktober lepas.

Majlis Mashuarat itu terdiri dari 33 orang ahli — 17 ahli2 kerana jawatan dan di-lantek, dan 16 ahli2 yang di-pilih.

Terdahulu dari itu baginda telah menguchapkan tahniah dan selamat bersidang kepada majlis yang baharu itu.

Titah baginda yang sa-penohnya berbunyi:—

“Dalam sa’at yang bersejarah pada hari ini, sambil kita seka-khusho’ dan tawadzo’ menguchapkan shukor kepada Allah Subhanahu Wata’ala yang telah memberi rahmat kepada kita sa-hingga dapat kita bersama2 di-majlis yang beta katakan bersejarah buat Negeri Brunei.

“Beta terlebih dahulu menguchapkan tahniah dan menguchapkan selamat bersidang kepada Majlis yang baharu di-tubuhkan ini.

“Tuan2 sekalian Yang Berhormat, sebagaimana yang tuan2 sekalian sedar dan sedia faham akan tanggong-jawab dan kewajipan majlis ini, adalah sangat berat dan sulit dalam mana tuan2 sekalian akan bertanggung-jawab atas so’al2 yang mengenai untong nasib bangsa dan Negara Brunei Darul-Salam ini, terutama sekali mengenai so’al yang berbong dengan Undang2. Tetapi beta ada-lah memperchayai, bahawa tuan2 sekalian memang bersedia untuk menjalankan tugas2 yang amat berat yang telah di-berikan kepada tuan2 sekalian.

“Pada ahli2 Majlis Meshuarat

Negeri yang baharu, sama ada yang di-lantek mahu pun yang di-pilih, terima-lah kewajipan tuan2 ini dengan tenang dan sabar sambil menginsafi diri tuan2 bahawa tuan2 telah di-beri rahmat oleh Allah Subhanahu Wata’ala untuk menjadi pemimpin bangsa dan negara tuan2.

“Sebagaimana yang beta katakan tadi, beta harap dalam menunaikan tugas yang amat penting itu, tuan2 hendak-lah sentiasa mengingati bahawa ditangan, tenaga dan hasil dari fikiran yang waras-lah tempat meletakkan nasib bangsa negara yang akan datang.

“Dengan sebab itu hendak-lah tuan2 sentiasa mengingati bahawa Allah Subhanahu Wata’ala sentiasa akan memberi petunjuk dan menurunkan rahmat-nya kepada hamba-nya sentiasa,



DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA MAULANA AL-SULTAN kelihatan dalam gambar ini sedang membalas tabek dalam istiadat memereksa Barisan Kehormatan sa-belum Baginda merasmikan pembukaan Majlis Meshuarat Negeri Brunei baharu2 ini. Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma’un kelihatan di-tanan sa-kali dalam gambar ini.

dalam melaksanakan tugas dan kewajipan untuk kebajikan dan kebahagiaan negeri.

“Sifatkan-lah diri tuan2 sebagai wakil ra’ayat yang sebenar2-nya timbul dari

jasmani dan rohani ra’ayat Brunei yang menumpukan fikiran dan tenaga-nya kepada negara-nya dan bangsa-nya, yang di-dahirkan dari darah (Lihat Muka 4)

## Wakil Kongres Islam Melawat Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Dua orang wakil dari Kongres Islam Sa-Dunia telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang Cathay Pacific pada petang 14 Oktober dalam satu bidang lawatan mereka sa-lama empat hari di-negeri ini.

Sa-lama berada di-negeri ini mereka ada-lah menjadi tetamu kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Mereka itu ia-lah Sahibul Fadhilah Khaidir Kamil Al-Hussain dan Sahibul Fadhilah An-Amullah Khan.

Sa-tiba-nya di-Lapangan Terbang Brunei mereka telah di-sambut oleh Pemangku Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin, Pemangku Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Mufti Brunei dan beberapa orang lagi pegawai2 di-Jabatan tersebut.

Sa-jurus sa-lepas ketibaan tetamu2 agong itu Pengiran Muda Kemaluddin dan penyambut2 lain-nya membawa mereka ka-tempat penginapan mereka dan pada sa-belah petang-nya melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, di-mana mereka bersama2 menunaikan fardhu Magrib.

Tuan Kamil Al-Hussain dan Tuan Khan di-jadualkan mengadap Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada hari Ithnin dan melawat ka-sekolah2 Ugama, berjumpa Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setia Usaha

Kerajaan dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan, dan pada petang-nya menghadiri jamuan makan malam di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Pada hari Thalatha kedua pelawat itu di-jadualkan melawat ka-Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Berakas, Ampangan Tasek, dan bertolak ka-Kuala Belait untuk mengadakan perjumpaan umum dalam satu majlis yang khas. Dalam perjalanan balek ka-Bandar Brunei mereka singgah di-Mesjid Tutong untuk sembahyang Isha dan memberi sharahan.

Mereka di-jangka menamatkan lawatan mereka dan akan bertolak dari sini pada petang hari Rabu (hari ini), sa-lepas melawat ka-padang Minyak di-Seria pada sa-belah pagi.

# Persatuan Penuntut2 Brunei Di-England Sambut Hari Jadi D. Y. M. M.

**BANDAR BRUNEI** — Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dengan mengadakan satu majlis jamuan makan malam pada 29 September, 1962.

Majlis itu telah di-adakan di-Kedai Makan Ley On dan di-hadiri oleh beberapa orang para jemputan khas, di-antara-nya ialah Dato dan Datin Pretty, Tengku Ja'afar dan isteri, Inche R.W.P. Rule dan isteri serta Inche D.R. Trumble dan isteri.

Yang Dipertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Inche Adnan bin Penyurat Haji Abu Bakar dan Naib Yang Dipertua persatuan tersebut, Inche Mohamed Ali bin Mohamed Daud dan Dato E. E. F. Pretty telah memberikan ucapan2 di-majlis itu.

Pegawai2 baharu Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom yang telah di-lantik dalam Meshuarat Agong Ulang Tahun-nya kali yang ke-empat yang telah di-adakan di-London Friendship Centre, Acton baharu2 ini ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Dipertua Inche Adnan bin Penyurat Haji Abu Bakar dan Naib Yang Dipertua—Inche Mohamed Ali bin Mohamed Daud.

Setia Usaha Agong — Inche Abdul Aziz bin Umar. Penolong Setia Usaha Agong — Inche Ab-

dul Aziz bin Abdul Latif. Penyimpan Wang—Awang Hassan bin Pehin Orang Kaya Digadong Dato Paduka Haji Mohamed Yusuf. Pemeriksa Kira2—Jusnani binti Lawie.

Setia Usaha Sosial dan Kebajikan—Inche Rosli bin Umar. Pegawai Penerangan—Inche Abdul Latif bin Abdul Hamid. Setia Usaha Sukan—Inche Abu Bakar bin Abdul Rahman dan Pegawai yang tidak bertauliah—Inche Mohamed Ja'afar bin Noordin. Demikian menurut berita2 yang kita terima dari Pegawai Penerangan, Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

## BALEK DARI MALAYA

**BERAKAS.** — Empat orang Pegawai2 Kanan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei telah balek ka-Brunei baharu2 ini dari Persekutuan Tanah Melayu sa-lepas menghadiri persidangan juru2 hebah di-Kuala Lumpur.

Pegawai2 tersebut ia-lah Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan (ketua rombongan); Inche Michael Chen, Ketua Jurutera; Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Pegawai Siaran Radio dan Penerangan, Daerah Brunei dan Inche Vince Krijisman, Ketua Ranchangan.

## 35 PENUNTUT2 DARJAH DEWASA TERIMA SIJIL

**GADONG.** — Satu upacara menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa kepada penuntut2 Darjah Dewasa di-Kampung Gadong telah di-adakan di-Sekolah Melayu Gadong pada 5 October lepas.

Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh Pengelola Perkembangan Bahasa Negeri Brunei; Inche Umar bin Muhammad.

Saramai 35 orang penuntut2 Darjah Dewasa itu telah menerima sijil tersebut. Mereka ada-lah mengandongi 25 orang penuntut2 perempuan dan 10 orang penuntut2 lelaki.

Di-antara para jemputan khas yang hadir di-majlis tersebut ia-lah Yang di-Muliakan Dato Ratna Haji Mohamed Ja'far bin Jamaludin.

Inche Umar telah mengucapkan sa-tinggi2 tahniah kepada penuntut2 Darjah Dewasa tersebut yang telah belajar dengan rajin-nya tahun yang lalu.

Beliau berharap agar penuntut2 tersebut akan memperolehi kejayaan dalam lapangan pelajaran pada masa ke hadapan kelak.

Inche Umar telah mengucapkan terima kasih bagi pehak Jabatan Pelajaran Negeri Brunei kepada Guru Besar Sekolah Melayu Gadong, Pengiran Tajud-

din dan lain2 guru sekolah itu yang telah menchorahkan tenaga mereka untuk memberikan pendidikan kepada penuntut2 Darjah Dewasa tersebut yang telah belajar dengan rajin dan tekun.

Sa-lain daripada itu Inche Umar juga telah mengucapkan terima kasih kepada penduduk2 di-Kampung Gadong yang telah bekerja-sama dalam usaha melaksanakan kejayaan penuntut2 Darjah Dewasa tersebut, sambil menegaskan bahawa Jabatan Pelajaran Negeri Brunei akan memberikan pertolongan sa-ti masa kepada mereka dalam lapangan pelajaran.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Guru Besar Sekolah Melayu Gadong, Chegu Pengiran Tajuddin; Pengerusi majlis tersebut, Chegu Harun bin Abdul Samad; wakil penuntut2 lelaki, Inche Sa'ad bin Haji Othman; wakil penuntut2 perempuan, Puan Zainab Tudin; Inche Asmat Pangis dan Dato Ratna Haji Mohamed Ja'far.



Satu pemandangan majlis sambutan hari ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin yang telah di-adakan di-London, pada malam 29 September, 1962 di-bawah anjoran Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

## BALEK KA-TANAH AYER

**BERAKAS.** — Inche Mohamed Yusuf bin Haji Othman, Penasehat Pilehan Raya Negeri Brunei telah balek ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 7 Oktober sa-telah tamat berkhidmat di-Negeri Brunei.

Beliau telah di-iringi oleh isteri dan chuchunda-nya.

Di-antara ramaj orang yang datang ka-bangunan lapangan

terbang di-sini untuk mengucapkan selamat balek ka-Persekutuan Tanah Melayu kepada Inche Mohamed Yusuf dan isteri-nya ia-lah Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali, Pengerusi, Surohan Jaya Pilehan Raya Negeri Brunei dan Inche Mat Noor Patrick MacAfee, Penyelia Pilehan Raya Negeri Brunei.



Penuntut2 lelaki dan perempuan Darjah Dewasa Kampong Gadong, Brunei kelihatan bergambar ramai baharu2 ini dengan Inche Umar bin Muhammad, Pengelola Perkembangan Bahasa, Negeri Brunei, guru2 dan Ahli2 Jawatan Sekolah Melayu Gadong sa-lepas Inche Umar menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa kepada penuntut2 itu.

# Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Brunei / Muara Hadapkan 16 Usul

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 11 daripada 16 usul yang di-kemukakan oleh wakil2 ra'ayat dalam persidangan Majlis Meshuarat Daerah Brunei dan Muara telah di-terima oleh Majlis itu. Persidangan itu telah di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin selama dua hari, pada 8 dan 9 Oktober, 1962.

Pegawai Daerah Brunei-Muara, Yang Mulia Inche Abdul Ghani bin Hassan telah menjadi Pengerusi Majlis Meshuarat Daerah tersebut.

Saramai 29 orang ia-itu 24 orang ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat dan 5 orang ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan Brunei telah hadir dalam meshuarat itu.

Usul2 yang di-terima oleh Majlis Meshuarat Daerah tersebut ia-lah seperti di-bawah ini :

Memperbaiki keadaan dan membesarkan jalan2 yang berikut :

(a) Jalan Kasat di-buboh "hot mix".

(b) Jalan Lumapas di-buboh "hot mix".

(c) Jalan Kota Batu dari Pejabat Pesuruh Jaya Tinggi ka-Kampong Serdang.

(d) Jalan Beribi dan Mata2 di-buboh "hot mix".

(e) Jalan Limau Manis, Masin dan Pengkalan Batu.

Membatalkan atau menarek balek segala kebenaran yang telah di-keluarkan kepada kontraktor2 bangsa asing yang bukan warga negara Brunei kerana menggunakan tanah2 Kerajaan untuk bangunan sementara tempat tinggal pekerja2 mereka.

## BEKALAN LETREK

Meluaskan lagi bekalan tenaga letrek di-kawasan Luar Bandar.

Quota dan lesen yang sekarang ini di-berikan kepada tukang2 gunting rambut bangsa asing yang di-datangkan dari luar negeri hendak-lah di-tarek kembali.

Mendirikan gerai kecil bagi kemudahan2 penjaja dari kaum tani di-Bandar Brunei.

Mengadakan jalan di-Berambang ka-Menunggal, Belimbing ka-Serdang dan Serdang ka-Mentiri.

Mengadakan beberapa talipon untuk orang2 ramai yang mustahak seperti di-tempat2 yang di-bawah ini :

(a) Bandar Brunei (b) Muara (c) Kilanas (d) Batu 15 Jalan Tutong dan (e) Kampong Perpindahan Berakas; Burong Pingai, Berakas; Simpang Jalan Muara dan Kampong Dato Gandhi.

Mengadakan klinik2 kesihatan yang lengkap, juru-rawat, dresser dan bidan2 di-tempat2 yang di-bawah ini :

(a) Dato Gandhi (b) Pengkalan

Batu (c) Kuala Brunei (d) Gadong (e) Kasat dan (f) Lumapas.

Mendirikan bangunan Majlis Meshuarat Daerah Brunei yang tetap.

Menuntut Kerajaan supaya dalam sebarang Lembaga Bandar-an Brunei dan Muara di-anggotai oleh sa-bilangan besar ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Brunei dan Muara yang di-pilih oleh ra'ayat.

Sa-lain daripada usul2 tersebut Ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan telah menjawab sa-banyak 9 so'alan mulut yang telah di-kemukakan oleh empat orang ahli2 yang di-pilih.

## Persidangan Majlis Meshuarat Daerah Tutong

TUTONG.—Majlis Meshuarat Daerah Tutong telah mengadakan meshuarat-nya pada 6 Oktober di-Bilek Meshuarat Pejabat Daerah Tutong dengan dipengerusikan oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin, Pegawai Daerah Tutong.

Ahli2 Majlis Meshuarat tersebut ada-lah mengandongi 12 orang yang di-pilih oleh ra'ayat dan 2 orang yang di-lantek oleh Kerajaan Brunei.

Mereka ia-lah Yang Berhormat Inche Idris bin Haji Mohamed Sa'id Yang Berhormat Inche Mohamed Akip bin Abdul Ghani, Yang Berhormat Inche Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar, Yang Mulia Inche Mohamed Tajin bin Awang Jaya, Yang Mulia Awang Mohamed Zain bin Serudin, Yang Mulia Inche Mohamed Yusof bin Tengah, Yang Mulia Inche Bakri bin Haji Mohamed Serudin, Yang Mulia Inche Damit bin Salleh, Yang Mulia Inche Sabtu bin Hassan, Yang Mulia Inche Johari bin Mohamed Yusof dan Yang Mulia Inche Maidin bin Isa. Semua-nya di-pilih oleh ra'ayat.

## PERBEKALAN AYER

Ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan Brunei ia-lah Yang Mulia Inche Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar dan Yang Mulia Awang Ahmad bin Haji Ismail.

Usul2 yang di-terima oleh Majlis tersebut ia-lah seperti di-bawah ini :

Majlis Meshuarat Daerah Tutong yang bersidang pada hari itu hendak-lah mengambil keputusan ia-itu menuntut Kerajaan dengan seberapa segera mengadakan perbekalan ayer di-kawasan2 luar Bandar Tutong seperti di-Kampong Keriam,

## DOKTOR2 BAHARU DARI MANILA UNTUK BRUNEI

BERAKAS—Lima orang doktor yang baharu telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Manila baharu2 ini untuk berkhidmat dengan Kerajaan, Brunei.

Doktor2 itu, mengandongi tiga orang doktor perempuan dan dua orang doktor lelaki telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas

oleh Pegawai Perubatan Negara Brunei, Doktor Abdul Wahab Ariff.

Mereka ia-lah Doktor (Puan) Maxima C. Brillantes, Doktor (Puan) Aurea Dizon De La Pena, Doktor (Puan) Virata Banez, Doktor Ramon Virata Banez dan Doktor Trinidad De La Pena.



Lima orang Doktor2 dari Manila kelihatan dalam gambar ini berjalan menuju ka-bangunan Lapangan Terbang Brunei di-Berakas sa-baik sahaja mereka mendarat dari kapal terbang Cathay Pacific Airways. Nombor tiga dari kiri ia-lah Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Doktor Abdul Wahab Ariff yang telah menyambut ketibaan Doktor2 itu.

kemukakan oleh Yang Berhormat Inche Mohamed Idris berbunyi bahawa.

Majlis Meshuarat Daerah Tutong hendak-lah menuntut Kerajaan Brunei supaya dengan sa-bberapa segera meluaskan lagi bekalan tenaga letrik di-kawasan Luar Bandar Tutong dan hendak-lah Majlis Meshuarat Daerah Tutong menuntut Kerajaan supaya di-dalam sebarang Lembaga, Jawatan Kuasa atau lain2 badan yang mempunyai kuasa atau menjalankan tugas2 di-dalam Daerah Tutong di-anggotai oleh sa-bilangan besar Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah yang di-pilih oleh ra'ayat.

## JALAN2 RAYA

Satu lagi usul yang di-tanggohkan ka-meshuarat yang akan datang ia-lah berbunyi bahawa Majlis Meshuarat Daerah Tutong hendak-lah menuntut Kerajaan supaya dengan seberapa segera-nya memperbaiki keadaan jalan2 raya dengan keadaan yang sempurna serta di-buboh "hot mix asphalt."

Jalan2 raya itu ia-lah jalan raya di-batu 18 menuju ka-Kuala Abang, Jalan Kampong Penanjung, Jalan Kechil Bukit Sulang, Jalan Kechil Kampong Bukit Udal, Jalan Kechil Kampong Tanjong Mava, Jalan Kechil Kampong Bukit Panggal, Jalan Kechil Batang Mitus, Jalan Kechil Kampong Bakiau dan Jalan Kechil Kampong Lamunin ka-Kuala Abang.

Usul tersebut di-kemukakan oleh Yang Mulia Inche Johari bin Abang Yusof.

Kampong Luasan Dudok, Kampong Sinaut, Kampong Kupang dan Kampong Lamunin. Usul ini di-kemukakan oleh Yang Berhormat Inche Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar.

## MENGADAKAN TALIPON

Usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Inche Mohamed Akip bin Abdul Ghani berbunyi bahawa Majlis Meshuarat Daerah Tutong yang bersidang pada hari tersebut hendak-lah mengambil keputusan ia-itu menuntut supaya Kerajaan dengan seberapa segera melaksanakan usul2 ini :

(a) Mengadakan talipon untuk orang ramai di-kampong2 yang mustahak di-daerah Tutong.

(b) Mengadakan rumah2 klinik di-kampong2 yang berpatutan di-Daerah Tutong serta di-bawah jagaan Pegawai Perubatan yang tetap.

(c) Mendirikan bangunan2 di-Daerah Tutong seperti berikut: Bangunan Majlis Meshuarat Daerah Tutong yang tetap, Pejabat Daerah yang baharu dan menchukupi dan bangunan Rumah Sakit yang tertentu serta kelengkapan yang cukup.

Usul2 yang di-tanggohkan ka-meshuarat yang akan datang ia-lah seperti di-bawah ini yang di-

## KETUA MENTERI MELAKA BERAMAH TAMAH



Ketua Menteri Negeri Melaka, Yang Berhormat Inche Abdul Ghafar bin Baba (nombor dua dari kiri) kelihatan sedang beramah tamah dengan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam bin Raju Haji Kamarazaman dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dalam satu majlis jamuan untuk meraikan lawatan Yang Berhormat Inche Abdul Ghafar ke-Brunei dalam bulan yang lalu.

## LANTEKAN2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Inche Mohamed Yusof bin Lamin dari Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-Brunei baharu2 ini untuk berkhidmat sa-bagai Juru Ukur Negara, Brunei.

Lain2 lantekan baharu ada-lah seperti di-bawah ini:

Pengiran Besar bin Pengiran Kula telah di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Daerah Temburong mulai dari 10 September, 1962 menggantikan jawatan Inche Abidin bin Abdul

Rashid yang pada masa ini sedang menjalani satu kursus pertadbiran di-Canada.

Inche Mohamed Salleh bin Hidup telah di-lantek menjadi Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong mulai dari 20 September, 1962.

Inche Abdullah bin Haji Mohamed Ja'afar telah di-lantek menjadi Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong mulai dari 20 September, 1962.

## TANGGONG JAWAB AHLI2 BERAT DAN SULIT

(Dari Muka 1)

dan semangat serta peribadi Brunei sendiri.

"Dengan mengingati yang sa-demikian ini beta perchaya dan beta berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala mudah2-an kita sekalian akan sentiasa di-rahmati Allah dan akan sentiasa tetap beriman dan tetap hidup di-dalam suasana yang di-izinkan Allah.

"Tuan2 sekalian yang di-hormati.

"Beta dari mula-nya tadi telah menyebutkan bahawa hari ini adalah hari yang mengandungi sejarah dalam kehidupan ra'ayat di-Negeri Brunei ini; terutama sekali dalam segi perkembangan politik dan pentadbiran Brunei, kerana tuan2 yang menduduki kerusi Majlis Meshuarat Negeri yang ada pada pagi ini ada-lah terdapat dari ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat sendiri dengan menerusi alat demokrasi ia-itu Pilihan Raya, yang mana kapada tuan2 ini-lah keperchayaan ra'ayat dan harapan ra'ayat telah di-serahkan untuk memikirkan untong nasib mereka.

"Dengan menyedari keadaan ini, kita sekalian jangan-lah melupakan dan mengabaikan kewajipan yang telah di-serahkan itu.

"Sa-kali lagi beta menaruh harapan supaya tuan2 sekalian akan menunaikan kewajipan tuan2 sekalian dengan sechารา jujur dan ikhlas, yang terbit dari hati dan senubari yang di-kandong oleh jasmari yang lahir dari tanah tumpah darah tuan2

sendiri ia-itu Brunei "Darul-Salam.

"Akhir-nya, sekali lagi beta mengucapkan selamat bersidang dan beta mengucapkan tahniah kapada ahli2 yang baharu dan semoga tuan2 sekalian akan mendapat taufik dan hidayah daripada Allah dalam menunaikan tugas kewajipan tuan2 sekalian."

Speaker yang baharu bagi Majlis itu ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar bin Duli Pengiran Pemancha Mohammad Salleh.

## LAPANGAN TERBANG DI-PERBAIKI

BERAKAS. — Lapangan Terbang Brunei di-sini di-katakan akan di-tutup bagi kapal2 terbang besar mendarat mulai 1 November apakala padang akan mulai di-perbaiki.

Kerja2 membaiki itu di-jangka siap kira2 dalam tempoh tiga bulan sa-tengah.

Kapal2 terbang Malayan Airways Viscount dan Cathay Pacific Airways tidak akan dapat menggunakan padang itu, dan digantikan oleh kapal2 terbang Dakota dan Twin Pioneer.

Penerbangan2 Malayan Airways ka-Lapangan Terbang Brunei hanya akan di-lakukan sekarang sa takad Labuan, dan Borneo Airways akan mengadakan penerbangan2 dari Brunei ka-Labuan dan di-antara Bandar Brunei dengan Jesselton.

Penerbangan kapal terbang Dakota yang ada sekarang akan terus di-adakan ka-Bandar Brunei pada tiap2 hari Khar

## SIARAN RADIO BRUNEI BAHAGIAN MELAYU

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu mulai dari 17 hingga 20 Oktober. ada-lah seperti berikut:—

### RABU — 17 OCTOBER

#### Siaran Pagi

- 6.30 Selamat Sejahtera
- 6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
- 6.45 Lagu2 Kronchong
- 7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Warta Berita
- 7.05 Pilehan Juru-Hebah
- 7.30 Rehat
- Siaran Tengah Hari
- 12.30 Selamat Sejahtera
- 12.32 Hiboran
- 12.45 Halaman Perbincangan — (S.U.)
- 1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
- 1.15 Lagu2 Rampaian
- 1.30 Rehat

#### Siaran Malam

- 7.00 Selamat Sejahtera.
- 7.02 Hiboran
- 7.15 Hiboran Pancharagam — Penerbit Abd. Wahab Mohd
- 7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan
- 8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
- 8.59 Siaran Melayu Tammat

### KHAMIS — 18 OCTOBER

#### Siaran Pagi

- 6.30 Selamat Sejahtera
- 6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
- 6.45 Lagu2 Hiboran
- 7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Warta Berita
- 7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
- 7.30 Rehat
- Siaran Tengah Hari
- 12.30 Selamat Sejahtera
- 12.32 Lagu2 Nyanyian Susanah
- 12.45 Majallah Sain dan Perusaha'an — (S.U.)
- 1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
- 1.30 Rehat

#### Siaran Malam

- 7.00 Selamat Sejahtera.
- 7.02 Bacha'an Al-Koran
- 7.15 Kursus Al-Koran—Oleh Tuan Haji Khalidi
- 7.45 Sharahan Ugama
- 8.00 Lagu2 Masir
- 8.15 Sejarah Islam
- 8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
- 8.45 Tafsir Al-Koran—Oleh Ustadz Salleh Haji Abdul Majid
- 8.59 Siaran Melayu Tammat

### JUMA'AT — 19 OCTOBER

#### Siaran Pagi

- 6.30 Selamat Sejahtera

- 6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
- 6.45 Lagu2 Irama Pelahan
- 7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Warta Berita
- 7.05 Pilehan Juru-Hebah
- 7.30 Rehat
- 9.00 Selamat Sejahtera
- 9.02 Bacha'an Al-Koran
- 9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara
- 9.45 Jamatul Anashid—Pimpinan Abd. Kadir Awang
- 10.00 Lagu2 Kaparinyo
- 10.15 Rengkasan Warta Berita
- 10.20 Hiboran Anno
- 10.29 Rehat

#### Siaran Tengah Hari

- 12.30 Selamat Sejahtera
- 12.32 Mimbar Islam—Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, selepas itu di-ikuti Dengan Lagu2 Masir
- 1.30 Rehat
- 1.45 Hiboran Penutup
- 2.00 Rehat

#### Siaran Malam

- 7.00 Selamat Sejahtera.
- 7.02 Hiboran Pembuka'an Sandiwara Radio — Penerbit Abd. Wahab Mohd.
- 7.15 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan
- 8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
- 8.30

- 8.45 Hiboran Akhir
- 8.59 Siaran Melayu Tammat

### SABTU — 20 OCTOBER

#### Siaran Pagi

- 6.30 Selamat Sejahtera
- 6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
- 6.45 Hiboran
- 7.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Warta Berita
- 7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
- 7.30 Rehat

#### Siaran Tengah Hari

- 12.30 Selamat Sejahtera
- 12.32 Hiboran
- 12.45 Asohan Wanita — (S.U.)
- 1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
- 1.15 Lagu2 Rampaian
- 1.30 Rehat

#### Siaran Malam

- 7.00 Selamat Sejahtera.
- 7.02 Lagu2 Hiboran
- 7.15 Majallah Sain dan Perusahaan — Rakaman VOA
- 7.30 Hiboran
- 7.45 So'alan DiUdara
- 8.00 Lagu2 Beriarama Mambo
- 8.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
- 8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
- 8.45 Hiboran Malam Ahad
- 8.59 Siaran Melayu Tammat

# PEMBUKAAN RASMI MAJLIS MESHUARAT NEGERI YANG BARU


**BANDAR BRUNEI.** — Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang baharu telah dibuka dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dalam satu istiadat yang bersejarah di-bangunan Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 10 Oktober, 1962.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia melangsungkan pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Negeri Brunei, satu upacara mengangkat sumpah bagi ahli2 Majlis Meshuarat itu telah di-adakan.


Upacara itu di-mulai dengan perarakan Tuan Speaker yang baharu pada pukul 9 pagi di-turuti dengan bacaan do'a selamat oleh Kadhi Daerah Tutong, Inche Ishak bin Adam.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sedang bertitah di-majlis pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Negeri Brunei baharu2 ini.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, dengan di-iringi oleh Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei, Inche A.N. Outram di-gambar pada masa Baginda sedang Barisan Kehormatan terdiri dari anggota2 Pasokan Pulis Negeri Brunei pada pagi 10 Oktober dalam acara pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Negeri Brunei.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini sedang berangkat ka-luar bangunan Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi 10 Oktober sa-lepas Baginda merasmikan pembukaan Majlis Meshuarat, Negeri Brunei.

Gambar ini di-ambil di-bangunan Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada pagi 10 Oktober pada masa di-adakan istiadat pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Negeri Brunei oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Perkenalan dari kiri — Yang Mulia Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Jurutulis, Majlis Meshuarat Negeri Brunei; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar bin Duli Pengiran Pemancha Mahamed Salleh, Speaker, Majlis Meshuarat Negeri Brunei; Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin (tengah) kelihatan dalam gambar ini bergambar dengan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei sa-lepas Baginda merasmikan pembukaan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada 10 Oktober, 1962. Dudok nombor lima dari kiri ia-lah Yang Terutama Sir Dennis White, Pesuruh Jaya Tinggi Ingeris di-Brunei dan duduk nombor lima dari kanan dalam gambar ini ia-lah Speaker baharu, Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar bin Duli Pengiran Pemancha Mohamed Salleh.

# PENGEMBARAAN BERJALAN KAKI KA-LUMAPAS:

## Pemuda Pemudi Bergiat

Persatuan Belia Bandar Brunei sa-kaki lagi telah berjaya mengadakan salah satu projek2-nya dengan mendapat sambutan yang agak meriah dari kalangan pemuda2 dan pemudi2 dari beberapa lapisan musharakat. Projek kali ini ia-lah menganjorkan aktiviti mengembara berjalan kaki ka-Lumapas.

Belum lama dahulu persatuan ini telah menganjorkan satu peraduan karangan bagi peringkat murid2 sekolah dan orang2 dewasa. Sambutan dari kalangan orang ramai juga telah memuassakan. Karangan2 mereka sekarang ada-lah dalam pengadilan.

Sa-ramai kira2 80 orang pemuda dan pemudi yang terdiri dari pegawai2 rendah kerajaan, budak2 pengakap dan murid2 sekolah dari berbagai bangsa telah mengambil bahagian dalam pengembaraan berjalan kaki yang telah di-adakan pada 7 Oktober yang lalu itu.

**M. B. TERIMA  
LANTEKAN  
YG. DIPERTUA**

**BANDAR BRUNEI.** — Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei telah menerima lantekan Majlis Meshuarat Pengakap Negeri Brunei untuk menjadi Yang Dipertua Majlis itu bagi tahun 1962-1963.

Demikian di-terangkan oleh Inche P.A. Coates, Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei.

Keputusan melantek Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal sa-bagai mana tersebut kata Inche Coates, telah di-perseutujui dalam Persidangan Tahunan Majlis Pengakap Negeri Brunei baharu2 ini.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal telah berjasa dalam pergerakan Pengakap di-Negeri Brunei dan telah mengambil peranan2 yang penting pada masa beliau menjadi sa-orang Pengakap dan juga pada masa beliau berkhidmat sa-bagai sa-orang Guru Pengakap.



Sa-bilangan dari peserta2 yang mengambil bahagian dalam pengembaraan berjalan girang sa-belum feri yang membawa mereka ka-hujung Jalan Lumapas itu bertolak dari tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei.

Pada awal2 pagi itu peserta2 telah berkumpul di-tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei, dari mana, mereka telah di-saberangkan oleh kapal feri ka-hujung jalan Lumapas. Pasokan yang pertama terdiri dari 10 orang telah menyeberang pada jam 7.30 pagi untuk menyelenggarakan urusan2 dan achara2 di-kawasan pererahan dan pasokan yang kedua menyeberang pada jam 8.30 pagi.

Tanda2 isharat 'ikut jalan ini', 'jangan ikut jalan ini' dan bermacham2 tanda2 yang palsu untuk mengelirukan ahli pasokan yang kedua mengikutinya telah di-buat oleh pasokan yang terdahulu itu. Tetapi dengan kebijaksanaan, akhir-nya mereka sampai juga ka-tempat yang telah di-maksudkan kira2 sa-lepas mengambil masa dua jam berjalan dari hujung jalan itu. Mereka berehat di-kawasan Pejabat

Pertanian Lumapas dan kemudian-nya ka-suatu tempat yang tidak berapa jauh dari sana.

Antara achara2 yang lain telah di-adakan dalam temasha itu ia-lah peraduan mencari harta tersembunyi dan peraduan nyanyian bagi lelaki dan perempuan.

Mereka juga telah berpeluang melawat ka-kawasan2 perusahaan pertanian di-sana dan telah mendapat berbagai2 penerangan serba ringkas dari pegawai pertanian, sabagaimana telah di-urus atas kerjasama dari Pegawai Pertanian Negara.

Dalam peraduan nyanyian tiga hadiah pemenang telah di-sampaikan kepada penyanyi lelaki yang berjaya dan satu kepada peserta wanita. Hanya sa-orng

wanita saja yang telah mengambil bahagian dalam nyanyian bahagian wanita.

Hadiah yang pertama bahagian lelaki telah di-rebut oleh Nohi bin Ismail dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, kedua oleh Mohammad Arshad dari Sekolah Ingeris St. Andrew dan ketiga oleh Vincent Chong juga dari Sekolah Ingeris St. Andrew.

Hadiah tunggal kepada peserta wanita ia-lah kepada Lim Kim Tee, dari kalangan pegawai2 rendah kerajaan.

Dari dua 'harta' yang disembunyikan hanya satu sahaja yang dapat di-chari oleh salah sa-orang dari peserta2 pengembaraan itu.

Sa-lepas makan tengah hari di-sana dan berehat sambil bersuka2, maka mereka bertolak dari tempat perhentian menuju ka-hujung jalan kira2 jam 2 1/2 petang. Mereka sampai di-tambatan Kastam kira2 jam 4.30.

Menurut Naib Yang Dipertua Persatuan Belia Bandar Brunei yang juga telah mengetuai rombongan berjalan kaki itu, Inche Yahya bin M. Yusoff, bahawa itu ada-lah satu2-nya kejayaan yang patut menerima galakan dari kalangan pemuda-pemudi dan ternyata bahawa kerjasama dari segala lapisan musharakat itu sentiasa ada jika mendapat panduan yang baik dan bernilai.

Projek2 yang akan di-anjorkan oleh persatuan tersebut dalam masa yang tidak lama ka-hadapan ini ia-lah lawatan ka-padang minyak di-Telaga Minyak Seria, pertunjukan wayang gambar dan mengadakan majlis bercheramah sambil berkilah.

Orang2 ramai yang ingin berhubung rapat dengan persatuannya ini ada-lah di-galakkan dan boleh-lah membuat hubungan dengan salah satu ahli2 persatuan ini bagi mendapatkan berbagai2 penerangan.

## DEWAN BELIA ADAKAN PASAR PERDAGANGAN

**BANDAR BRUNEI.** — Satu temasha Pasar Perdagangan akan di-adakan di-sini sa-lama tiga malam mulai daripada malam 26 Oktober untuk mengutip derma bagi membantu badan2 kebajikan dalam Negeri Brunei di-bawah anjoran Dewan Belia Antara Bangsa Bandar Brunei.

Bermacham2 barang perdagangan yang di-usahakan oleh anak2 negeri tempatan dan juga dari luar negeri akan di-pertunjukkan di-temasha itu.

Berhubung dengan temasha tersebut sa-buah Jawatan Kuasa telah di-bentuk untuk melaksanakan Pasar Perdagangan itu, saperti di-bawah ini:

Pengerusi — Inche Patrick Sim Song Juay. Setia Usaha — Inche R.J. De Cruz. Penyimpan Wang — Inche Joe Smith. Wakil Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei — Inche Zain Ariff. Ahli2 Jawatan Kuasa — Inche Richard Lee, Inche Ong Pang Teng, Inche Chua Kong Heng dan Awangku Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu.

## AYAM BERKAKI TIGA



Wah! apa-kah yang menjadi kehairanan kepada pemuda2 dan kanak2 dalam gambar ini? Jikalau di-lihat benar2 ayam ini ada mempunyai tiga kaki. Di-manakah gambar ini di-ambil oleh Juru Gambar kita? Jawab-nya ia-lah di-temasha Pertunjukan Pertanian Negeri Brunei sa-dikit hari dahulu.

# Perlumbaan Berjalan Kaki

BANDAR BRUNEI. — Persediaan2 untuk mengadakan perlumbaan berjalan kaki yang di-kenali dalam bahasa Inggeris sa-bagai "The Big Walk" sa-juah 17 batu untuk pemuda2 dan orang2 tua lelaki serta sa-juah 7½ batu untuk wanita2 telah pun diselenggarakan. Demikian kata Inche S. Palaniandy, Setia Usaha, Persatuan Tinju Negeri Brunei yang menajakan perlumbaan itu.

Perlumbaan itu akan di-adakan pada pagi hari Ahad 28 Oktober dan di-bahagikan kepada empat bahagian ia-itu bahagian "Junior" — terbuka kepada pemuda2 yang berumur 16 tahun ka-bawah, bahagian "Senior" — terbuka kepada orang2 lelaki yang berumur 16 tahun ka-atas dan bahagian dewasa — terbuka kepada orang2 dewasa lelaki yang berumur 40 tahun ka-atas. Bahagian wanita tidak-lah di-hadkan umur.

Perlumbaan untuk bahagian "Junior" akan di-mulai pada pukul 7 pagi, bahagian "Senior" akan di-mulai pada pukul 7.15 pagi, bahagian dewasa akan di-mulai pada pukul 7.30 pagi.

Semua perlumbaan tersebut akan di-mulai daripada jalan raya berhadapan bangunan kedai2 Pekan Muara.

Perlumbaan untuk wanita2 akan di-mulai pada pukul 7.45 pagi daripada jalan raya di-hadapan Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Inche Palaniandy meminta kepada semua Pegawai dan peserta supaya berkumpul di-kawasan berhadapan bangunan Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pukul 6 pagi hari tersebut dan dari sana mereka akan di-bawa dengan kereta2 ka-tempat2 permulaan perlumbaan.

Beliau menjelaskan lagi bahawa sa-lain daripada hadiah2 untuk empat bahagian perlumbaan yang terma'lom satu hadiah yang khas berupa sa-buah perisai pusingan akan di-berikan kepada pasokan yang berjaya dalam perlumbaan berjalan kaki itu. Tiap2 pasokan itu hendaklah mengandungi 10 orang lelaki dan umur tidak-lah di-hadkan.

Yang Teramat Mulia Serika Duli Pengiran Bendahara akan menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya

## Tawaran2

Tawaran2 akan di-terima oleh Pegawai Daerah Belait, sahingga jam 2.00 petang pada 24 October, 1962, bagi membersekan Sungai2 Lubok BUILIR, TUKAN, LUMAK dan TERIAM.

Tawaran2 ini ada-lah terbuka kepada orang yang tinggal di-Labi dan Kuala Balai sahaja.

Sungai2 itu ada-lah di-kehendakki bersih ia-itu dengan memotong daun2 dan ranting2 kayu yang jatuh tergantung di-sungai, kayu2 yang dalam sungai dan tebing2 sungai itu mesti-lah di-bersekan sa-juah 20 kaki dari tepi sungai.

Pemohon2 ada-lah di-kehendakki menyatakan upah bagi satu rantai.

Pemohon2 mesti-lah di-masokkan di-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda apa2 yang boleh mengenalkan pemohon2.

Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pegawai Daerah Belait, Kuala Belait.

Kerja yang di-kehendakki mesti-lah di-sebutkan di-atas sampol surat itu dengan terang dan perkataannya ia-lah seperti berikut:—

**"MEMBERSEKAN SUNGAI2 LUBOK BUILIR, TUKAN, LUMAK DAN TERIAM DI-LABI."**

dalam perlumbaan berjalan kaki tersebut.

Pasokan yang menang dalam perlumbaan tersebut akan di-berikan perisai pusingan yang di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Serika Duli Pengiran Bendahara.

Di-antara lain2 hadiah yang akan di-sampaikan kepada peserta2 yang berjaya dalam perlumbaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini.

Piala perak pusingan untuk pemenang pertama bahagian "Junior" di-hadiahkan oleh Towkay Tan Kok Tong.

Piala perak pusingan untuk pemenang pertama bahagian

"Senior" di-hadiahkan oleh Inche Ang Leng Chuan.

Piala perak pusingan untuk orang2 dewasa lelaki di-hadiahkan oleh Pehin Dato Temang-gong Lim Cheng Choo.

Piala perak pusingan untuk peserta wanita yang menjadi johan di-hadiahkan oleh Inche Lim Soo Jin.

## PIALA BORNEO:

# BRUNEI - 5 GOL BORNEO UTARA - 2 GOL

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Bola Sepak Negeri Brunei telah mengalahkan Pasokan Bola Sepak Borneo Utara dalam perlawanan pertama Piala Borneo dengan lima gol berbalas dua di-padang besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Ali Talib telah menjaringkan dua gol, manakala Kadir, Chegu Ismail dan Kassim Suhaimi telah menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pehak Pasokan Bola Sepak Negeri Brunei.

## BORNEO UTARA MENANG

BANDAR BRUNEI — Borneo Utara telah mengalahkan Pasokan Jemputan Negeri Brunei dengan dua gol berbalas satu dalam pertandingan bola sepak sa-chara persahabatan di-padang besar di-sini pada petang hari Ahad yang lalu.

Yee Chee Onn dan Voo Chun Yin telah menjaringkan bagi pehak Borneo Utara, manakala gol yang tunggal bagi pehak Pasokan Jemputan Negeri Brunei telah di-jaringkan oleh Kassim Suhaimi.

Francis Rajah dan Yeo Chee Onn telah menjaringkan satu gol sa-saorang pagi pehak Pasokan Bola Sepak Borneo Utara.

Inche G.B. Booth dari Sarawak telah mengadilkan pertandingan tersebut.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa kedua2 pasokan bola sepak tersebut akan bertemu sa-mula pada hari Sabtu 20 Oktober. Pertandingan itu akan di-adakan di-Jesselton.

## KERJA KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan pemandu Perahu Motor Sangkut di-Pejabat Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji ia-lah dalam tingkatan gaji F.2-3-4-5-6 \$152-155-158-169x20-180-184x4-188-192-196-200.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan dan pengalaman seperti berikut akan di-timbangkan:—

- Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat2 Sultan Brunei atau pun berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat2 Sultan.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu outboard di-sungai2 dalam daerah Brunei dan Temburong.
- Pemohon2 mesti-lah juga mengetahui serba sedikit tentang outboard engine dan dapat membetulkannya.
- Umur di-antara 18 tahun sampai 40 tahun.

Pemohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh diperolehi daripada Pegawai Perjawatan, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 10 November, 1962.

Pemohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan masing2.



Ahli2 Pasokan Ikatan Pemuda, Brunei yang telah berjaya membolot hadiah2 pertama dan kedua dalam kedua2 bahagian pertandingan sepak raga jaring yang telah di-adakan di-Bandar Brunei tidak berapa lama dahulu sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-bawah anjoran Persatuan Guru2 Melayu Negeri Brunei. Gambar ini di-ambil sa-bagai kenangan kejayaan pasokan sepak raga jaring yang handal di-Negeri Brunei.



Satu pemandangan para peserta dan lain2-nya di-majlis monyampaikan hadiah pertandingan sukan Sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei yang telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei pada 29 September, 1962. Berita berkenaan dengan pertandingan sukan itu telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 3 Oktober, 1962.

# SEKOLAH MELAYU DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA

KUALA TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah membuka dengan rasminya Sekolah Melayu Duli Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong pada hari Ahad 14 Oktober, 1962.

Sekolah tersebut telah di-bena di-tanah yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Brunei.

Di-antara ramai para jempunan khas di-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman; Speaker Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar bin Duli Pengiran Pemancha Mohamed Salleh; Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin; Pengelola Pelajar

Melayu Negeri Brunei, Inche Noordin bin Abdul Latif; ahli2 Majlis Meshuarat Diraja, Kerajaan, Negeri dan Daerah.

Sa-bagai kenangan pembukaan rasmi Sekolah Melayu Duli Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, maka Baginda telah di-junjung untuk menanam sa-buah pokok limau manis di-kawasan Sekolah Melayu itu.

Upacara tersebut di-akhiri dengan jamuan makan tengah hari dan bacaan do'a selamat oleh Yang Mulia Tuan Al-Haji Abdul Rahman, Nadzir, Sekolah2 Uagama, Daerah Tutong.

# DARJAH DEWASA GADONG



Pengelola Perkembangan Bahasa Negeri Brunei, Inche Umar bin Muhammad kelihatan sedang menyampaikan Sijil kepada sa-orang penuntut perempuan Darjah Dewasa Kampong Gadong, Brunei pada 5 Oktober yang lalu.



Sa-bilangan daripada penuntut2 perempuan Darjah Dewasa Kampong Gadong, Brunei kelihatan tersenyum dalam gambar ini pada masa di-adakan upacara menyampaikan sijil2 Darjah Dewasa kepada penuntut2 darjah dewasa itu di-Sekolah Melayu Gadong baharu2 ini.

# PERSATUAN SEPAK RAGA JARING DI-DAFTARKAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah persatuan yang berchorak sukan telah muncul dan pendaftarannya telah di-luluskan di-Bandar Brunei belum lama dahulu.

Pertubuhan ini telah di-beri nama "Persatuan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda, Bandar Brunei", atau dengan nama ringkasnya SRJIP.

Persatuan ini ada-lah terhad kepada ahli2 lelaki yang berumur 16 tahun ka-atas sahaja; tidak memilih bangsa, ugama dan taraf kera'ayatan.

Untuk menjadi ahli sa-saorang hendak-lah mengisikan borang yang tertentu dan bersedia akan mematohi undang2 persatuan ini. Bayaran pendaftaran kerana menjadi ahli ia-lah \$3.00, dan yuran bulanan sa-banyak \$2.00.

Dasar pokok persatuan ini ia-lah untuk menghidup dan meninggikan seni budaya sepak raga jaring Melayu asli dan membuat hubungan2 untuk

mengiratkan tali silatul-Rahim antara peminat2 sepak raga jaring.

Persatuan ini ada-lah di-tadbirkan oleh sa-buah jawatan kuasa kerja yang terdiri dari lima orang, ia-itu:

Yang Dipertua — Inche Abdul Salam bin Abdul Razak, Setia Usaha Kehormat — Inche Abdullah bin Metasan, Naib Setia Usaha — Inche Tuah Kadir, Bendahari — Inche Abdullah Kalong.

Orang ramai yang chenderong untuk menjadi ahli persatuan ini ada-lah di-galakkan supaya berhubung langsung kepada Setia Usaha Agong di-alamat Jabatan Hal Ehwat Uagama, Bandar Brunei.



Yang Berhormat Inche Misir bin Karuddin, kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan hadiah kepada sa-orang peserta yang berjaya dalam perlakuan bermain gasing yang telah di-adakan di-Pekan Bangar, Temburong dalam bulan September yang lalu sa-bagai salah satu daripada acara2 sambutan hari puja usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

# Kebakaran Rumah Awal Pagi

BUNUT. — Satu kebakaran yang mengakibatkan sa-buah rumah terkorban telah berlaku pada awal2 pagi hari Sabtu, 13 Oktober lepas, di-Batu 6, Jalan Tutong.

Tidak ada kemalangan apa2 yang terlibat, tetapi semua barang2 dan perkakas2 di-rumah itu tidak sempat di-selamatkan.

Pihak Pulis sekarang sedang menyiasat punca kebakaran tersebut.

# JAWATAN2 YANG KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Ra'ayat Duli di-Sekolah Melayu.

Yang Maha Mulia atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi Ra'ayat Sultan untuk memenuh jawatan2 kosong dalam Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Jawatan2 itu ia-lah (a) Pegawai Siaran (Pelateh) — 2 jawatan kosong dan (b) Pembantu Pegawai Bilek Gelap — 1 jawatan kosong.

Kelayakan pemohon2 untuk jawatan2 tersebut ia-lah saperti di-bawah ini:

Pegawai Siaran (Pelateh): Lulus sa-kurang2-nya Form II di-

Sekolah Ingeris atau Darjah VII di-Sekolah Melayu.

Pembantu Pegawai Bilek Gelap: Lulus sa-kurang2-nya Darjah V di-Sekolah Ingeris atau Darjah V di-Sekolah Melayu.

Segala permohonan hendaklah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 20 Oktober, 1962.

Pemohon2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua Jabatan masing2.